

UNIT 5: MALAYSIA MAJU

Standard Kandungan	5.1 Pengangkutan
Standard Pembelajaran	Pada akhir PdPc ini, murid berupaya : 5.1.1 Mengenal pasti jenis pengangkutan: i) air ii) darat iii) udara 5.1.2 Menyatakan kepentingan pengangkutan dalam kehidupan harian.

PENGANGKUTAN

- Pengangkutan membolehkan sesuatu barang atau perkhidmatan dibawa dari satu tempat ke tempat yang lain.



LATIHAN: PENGANGKUTAN

1. Tulis nama bagi pengangkutan-pengangkutan di bawah. (huruf kecil)



2. Tulis jawapan DARAT, UDARA dan AIR bagi pernyataan yang betul mengikut jenis pengangkutan yang betul.

Contoh: Contoh pengangkutannya adalah helikopter dan kapal terbang

UDARA

Pengangkutan digunakan di atas landasan dan lebuh raya	
Pengangkutan yang dapat mempercepat perjalanan ke sesebuah tempat yang jauh	
Kos pengangkutan lebih murah	
Kualiti dan keselamatan barangan yang dihantar terjamin	
Sistem pengangkutan bermotor yang boleh digunakan oleh orang ramai di kawasan tertentu dengan kadar tambang yang telah ditetapkan	
Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas ialah pusat aktiviti perdagangan antarabangsa utama di Malaysia	
Kos pengangkutan lebih mahal	
Pengangkutan yang digunakan di kawasan persisir pantai dan lembah sungai	

3. Tulis jawapan yang betul berdasarkan nota yang telah diberikan.

- a) Bas dan kereta api contoh pengangkutan _____.
- b) Pengangkutan air memudahkan mengangkut manusia dan barangan dari kawasan _____ ke kawasan bandar.
- c) Kos pengangkutan kenderaan darat lebih _____ berbanding pengangkutan udara.
- d) Pengangkutan udara dapat menjimatkan _____.
- e) _____ membolehkan sesuatu barang atau perkhidmatan dibawa dari satu tempat ke tempat yang lain.
- f) Pengangkutan air digunakan di sungai, _____, pesisir pantai dan laut.